

## **SALUTASI**

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN  
SANJUNGAN UNIVERSITI  
10 OGOS 2023 (KHAMIS)  
DEWAN CANSELOR UTEM

- 1. YANG BERUSAHA PROFESOR DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM**  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
- 2. YANG BERUSAHA PROFESOR IR. TS. DR. GHAZALI BIN OMAR**  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
- 3. YANG BERBAHAGIA PROFESOR MADYA DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF**  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)
- 4. YANG BERUSAHA ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT**  
KETUA PEGAWAI OPERASI UTEM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

YANG DIRAIKAN PENERIMA-PENERIMA CALON PINGAT  
PERKHIDMATAN CEMERLANG, ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG DAN ANUGERAH JASA BAKTI

WAKIL KESATUAN/PERSATUAN

SERTA SEMUA WARGA UTEM YANG DIKASIHI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T, SALAM SEJAHTERA  
SALAM MALAYSIA MADANI  
SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA MENGGAMIT  
DUNIA  
SALAM UTeMKU SAYANG, MENJAJAR UNIVERSITI MELONJAK KE  
HADAPAN

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022 &**

**ANUGERAH SANJUNGAN UNIVERSITI 2022**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**اویونسیتی تکنیکال ملaysia ملاک**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**10 OGOS 2023, 9.00 PAGI,**

**DEWAN CANSELOR, UTeM**

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pagi ini di dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti 2022.**


2. Majlis seperti ini sememangnya amat bermakna bagi kakitangan awam, khususnya kepada warga UTeM kerana ianya merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada staf yang telah menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan yang lebih penting telah memenuhi kehendak pemegang taruh dan kumpulan sasar.

## TUJUAN PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

### **Warga UTeM yang dihormati sekalian,**

3. Sesungguhnya pekerja di dalam sesebuah organisasi merupakan nadi di dalam perkembangan organisasi tersebut.

Walaupun dengan kehadiran seorang pemimpin yang berkaliber, namun tanpa komitmen dan kerjasama yang jitu daripada pekerja, organisasi tersebut tidak akan dapat membangun. Oleh yang demikian, majlis anugerah seperti ini seharusnya digalakkan bagi memastikan seluruh warga UTeM dihargai dan dapat meningkatkan motivasi seluruh warga UTeM.

- 
4. Anugerah yang akan disampaikan pada hari ini bukan sahaja sebagai tanda menghargai pencapaian cemerlang, sebaliknya sebagai pendorong dan tauladan kepada staf lain sama ada yang baru atau lama untuk terus berusaha meletakkan diri pada

satu tahap yang cemerlang dalam pelbagai aspek termasuklah hal-hal akademik, penyelidikan, penerbitan dan pengurusan pentadbiran. Diharapkan dengan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini akan dapat terus membakar semangat warga UTeM dalam memacu Universiti ke arah yang lebih berdaya saing dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.


## PRESTASI PENILAIAN 2022

### **Hadirin dan hadirat sekalian,**

5. Kecemerlangan warga UTeM semakin meningkat saban tahun.

Bagi tahun penilaian 2022, UTeM telah memperolehi purata

markah prestasi sebanyak 87.99%, sedikit meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 87.26%. Justeru itu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga UTeM dan kepada 152 warga cemerlang UTeM yang telah berjaya menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi penilaian prestasi tahun 2022.

- 
6. Bukan itu sahaja, pada tahun 2023 ini telah mencatatkan sejarah di mana UTeM turut meraikan 165 orang warga UTeM menerusi Anugerah Jasa Bakti (AJB) di atas kesetiaan berkhidmat sebagai penjawat awam selama 20 tahun. Jumlah

ini merupakan jumlah teramai penerima AJB dalam sejarah UTeM.

## SUMBANGAN PENINGKATAN PRESTASI TERHADAP PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI

7. Saban tahun usaha bersama kita untuk melonjakkan lagi visibiliti UTeM menerusi penarafan antarabangsa ataupun *world rankings* telah berjaya direalisasikan, dan saban tahun prestasi UTeM dalam sistem penarafan ini menunjukkan kemajuan yang amat positif menerusi peningkatan kedudukan di aras yang lebih membanggakan. Alhamdulillah berkat daripada ketekunan dan usaha yang tidak berbelah bagi daripada semua warga

UTeM, akhirnya UTeM telah disenaraikan di dalam QS World Ranking. Ini membuktikan bahawa UTeM mempunyai tenaga kerja yang sangat berkualiti dan mampu untuk bersaing di persada dunia. Segala pencapaian ini tidak akan dapat dicapai tanpa usaha daripada warga UTeM semua. Terima kasih saya ucapkan.



## SAMBUTAN KEMERDEKAAN

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Dikesempatan ini juga, bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan di peringkat UTeM, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-66.

Semoga kebebasan yang telah diperjuangkan oleh perwira tanah air pada satu ketika dahulu menjadi satu motivasi kepada kita untuk terus berjuang dalam memastikan negara kita sentiasa aman tanpa pengaruh asing. Insyaallah dengan usaha yang tidak berbelah bahagi dan doa yang tidak pernah putus, Malaysia akan terus makmur dan akan menjadi negara maju di masa hadapan.

## PENUTUP

9. Akhir kata, sekali lagi, tahniah dan syabas kepada warga UTeM yang telah terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022. Jadikanlah kejayaan para

penerima anugerah hari ini sebagai penyuntik semangat kepada semua dalam memberikan mutu perkhidmatan yang lebih baik untuk tahun hadapan dan tahun-tahun yang mendatang. Kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh semua warga UTeM menggambarkan pencapaian UTeM secara keseluruhannya. Semoga semangat, kerjasama dan keikhlasan yang diberikan oleh Keluarga UTeM dalam memenuhi amanah dan tuntutan agama, bangsa dan negara ini sentiasa diberkati Illahi hendak-Nya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Putih kesidang harum baunya  
Tumbuh berpaut di pohon tualang  
Teguh UTeM kerana warganya  
Menjadi tunggak Universiti terbilang

Sekian

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Wrt. Wbth.*

Terima kasih.

